

Lengkapkan diri dengan kemahiran

UM 25 MAR 2001

Oleh WAN NORAZAH
WAN CHIK

TENOM 24 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat di luar bandar supaya melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan sebelum mereka berhijrah ke bandar.

Perdana Menteri berkata, ia penting untuk mengelakkan mereka daripada terpaksa mendiami kawasan setinggan, hanya kerana pendapatan yang diperoleh tidak mampu untuk menyara kehidupan di bandar.

Katanya, beliau tidak akan menghalang penduduk luar bandar berhijrah kerana ia adalah sebahagian daripada proses menyediakan negara menjadi sebuah negara maju.

"(Bagaimanapun) saya merayu supaya mereka melengkapkan diri dengan kecekapan dan kemahiran sebelum berhijrah ke bandar supaya mampu mendaftar pendapatan tinggi.

"Dengan cara ini ia akan membolehkan mereka hidup lebih selesa kerana kita tidak mahu mereka tinggal di kawasan setinggan dalam keadaan kurang sempurna," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada majlis bersama rakyat dan upacara pecah tanah projek jalan raya Tenom-Beaufort, di Padang Pekan Tenom, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Pembangunan Belia dan Kemanusiaan Sukan Negeri, Datuk Rubin Balang.

Jalan Tenom-Beaufort sejauh 55 kilometer yang dianggarkan menelan belanja lebih RM300 juta, merupakan satu daripada projek pembangunan Kerajaan Pusat yang akan dimulakan pembinaannya pada bulan Julai nanti.

Katanya, penghijrahan penduduk luar bandar tanpa sebarang persediaan dalam aspek kemahiran secara tidak langsung akan menyebabkan jumlah setinggan semakin bertambah.

"Pertambahan setinggan akan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah dan kita tidak mahu ini berlaku terutama dalam persiapan ke arah negara maju.

"Kita tidak boleh halang penghijrahan kerana ia juga akan membantu proses memajukan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020," kata beliau.

Katanya, persediaan dengan pelbagai kemahiran amat penting kerana negara berhasrat untuk memastikan semua rakyat mendapat manfaat hasil daripada kemajuan negara.

"Kita tidak mahu pada tahun 2020 nanti rakyat kita masih di takuk lama, sama seperti sebelum merdeka dan ini bukan sekadar cita-cita kosong sahaja," ujarnya.

Katanya, setakat ini tiga perempat daripada rakyat negara ini mendiami kawasan-kawasan bandar dan fenomena tersebut dijangka semakin bertambah

kan sahaja memberi faedah kepada negeri Sarawak malah akan memanfaatkan penduduk di Sabah serta di pulau-pulau sekitarnya dengan menawarkan caj yang lebih murah berbanding apa yang dibayar sekarang.

"Oleh kerana ini adalah projek mega maka kerajaan terpaksa membelanjakan banyak wang untuk menampung kos dan kita akan teruskan walaupun mendapat pelbagai kritikan serta fitnah.

berikutan kemudahan yang ditawarkan di bandar lebih baik berbanding di luar bandar.

Sementara itu, beliau turut memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus menyediakan kemudahan prasarana kepada rakyat selaras dengan janji-janji yang telah dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya, kemudahan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik akan

"Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk meneruskan projek mega yang boleh membawa manfaat kepada rakyat walaupun terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi," tegas beliau.

Itu semua kata beliau, adalah untuk membalas budi rakyat negara ini yang telah memilih dan memberi peluang kepada BN untuk memperjuangkan nasib rakyat dan membangunkan negara ini.

diberi keutamaan untuk membolehkan rakyat di luar bandar turut menikmati arus pembangunan.

"Kita akan tentukan kawasan luar bandar mendapat bekalan air bersih menerusi teknologi tapisan air terkini," katanya.

Selain itu menurut beliau, bekalan elektrik juga akan diberi keutamaan terutama dengan pembinaan projek hidro elektrik Bakun di Sarawak.

Projek itu katanya, bu-